

CNS4370

U GB 06-08 00146 B E 6 6 2

aab

Umno - Harta 3 Jitra (sambungan. ber i ta )

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negeri-negeri yang mempunyai sumber pendapatan sendiri hendaklah mengurangkan pergantungan kepada kerajaan pusat dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

Ini akan membolehkan kerajaan pusat membantu negeri-negeri yang miskin dan yang memerlukan bantuan seperti Kedah.

+Kerajaan pusat ingin membantu semua negeri tetapi ia tidak mempunyai wang yang cukup untuk memenuhi semua permintaan kerajaan negeri, katanya .

Dalam ucapannya pada perjumpaan itu, Menteri Besar , Tan Sri Haji Osman Aroff berkata Kedah memerlukan bantuan tambahan daripada kerajaan pusat untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan di negeri itu.

Datuk Seri Dr Mahathir yang diminta mengulas perkara itu berkata, walaupun pertumbuhan ekonomi berkembang pesat , iaitu pada kadar lebih sembilan peratus setahun tetapi hasil kerajaan tidak tumbuh pada tahap yang sama. Ia hanya berkembang pada kadar dua peratus setahun, katanya . --  
Bernama